

Ini harga pengorbanan demi masa depan negara, kata Anwar kepada Wan Azizah
The Malaysian Insider
Feb 10, 2015
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan untuk terus tabah kerana apa yang dilalui sebelum ini adalah harga sebuah pengorbanan membentuk masa depan sebuah negara, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Isteri kepada ketua pembangkang itu berkata, bukanlah mudah untuk mengumpulkan semua kekuatan selepas Anwar dijatuhkan hukuman penjara lima tahun hari ini.

"Apa yang Anwar pesan untuk terus tabah kerana ini harga sebuah pengorbanan untuk masa depan negara kita.

"Kami mencari kekuatan itu kerana kita memikirkan masa depan, menuntut keadilan dan menentang kezaliman.

"Kita di sini bersama sebagai warga Malaysia. Bukan hanya untuk Anwar tetapi kepada semua mangsa yang kita perjuangkan," katanya ketika ditemui pemberita di perkarangan Mahkamah Persekutuan Putrajaya hari ini.

Dr Wan Azizah berkata, bukanlah satu jalan mudah meneruskan perjuangan suaminya itu selepas penahanan Anwar yang sangat tragik dan diiringi linangan air mata.

"Kami tidak mengatakan kami kuat tetapi kami mencari kekuatan dalam diri orang lain. Tolonglah bersama kami. Teruskan menyokong untuk masa depan kita," katanya.

Anwar hari ini gagal dalam rayuan kes Liwat II dan Mahkamah Persekutuan memutuskan hukuman lima tahun penjara sebagaimana yang ditetapkan Mahkamah Rayuan.

Mahkamah juga mengenyahkan permohonan pihak pembela yang meminta hukuman lebih ringan daripada yang dijatuhkan Mahkamah Rayuan sebelum ini dan pada masa sama menolak permohonan pihak pendakwa yang mahu hukuman ditingkatkan.

Terdahulu, sebelum hukuman dijatuhkan, Anwar menyerang panel lima hakim yang mensabitkan beliau bersalah hari ini, menuduh mereka "tunduk kepada tuan politik dan menjadi rakan jenayah dalam pembunuhan sistem kehakiman". – 10 Februari, 2015.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ini-harga-pengorbanan-untuk-masa-depan-negara-kata-anwar-kepada-wan-azizah>